



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik Off Jalan Bako
Petra Jaya
93050 Kuching, Sarawak

TEL: 082-473473
FAKS: 082-473584
Email : jpn.sarawak@moe.gov.my
Portal Rasmi : jpnsarawak.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNSW.SPb.600-2/1/4 (20)
Tarikh : 22 Januari 2021

Semua Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

PELAPORAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI
RUMAH (PdPR) TAHUN 2021

Dengan hormatnya surat daripada Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) no. ruj. KPM.100-6/1/16 Jld(48) yang bertarikh 20 Januari 2021 dan perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bertarikh 2 Oktober 2020 sebagai panduan kepada guru untuk melaksanakan PdPR. Pada tahun 2021, PdPR masih perlu dilaksanakan oleh semua guru di sekolah rendah, menengah dan kolej vokasional bagi memastikan murid dapat mengikuti pembelajaran secara optimum. Pelaporan pelaksanaan PdPR ini perlu bagi mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan PdPR dan seterusnya membantu pihak sekolah merancang penambahbaikan proses pelaksanaan PdPR di sekolah masing-masing.
3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan diminta memaklumkan kepada semua Pengetua dan Guru Besar di bawah seliaan tuan untuk memastikan semua guru melengkapkan pelaporan PdPR mulai 25 Januari 2021. Pelaporan ini dilaksanakan melalui *Google Form* dengan menggunakan ID DELIMA. Sila memastikan semua guru dimaklumkan ID DELIMA mereka. Pautan untuk pelaporan pelaksanaan PdPR Sarawak adalah di <http://gg.gg/pdprswk2021>.
4. Pegawai meja Pelaporan PdPR PPD telah diberi pendedahan tentang pelaksanaan PdPR tahun 2021. Sekiranya sekolah mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan proses pelaporan tersebut, mereka perlu merujuk kepada pegawai meja Pelaporan PdPR PPD masing-masing.
5. Sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan **Encik Ong Chin Cheng 082-473564** atau **016-8887881**, **Encik Mohd Meeraj 082-473588** atau **016-8905192**, **Puan Kho Mei Chin 082-473587** atau **016-8950099**.


Ruj. Kami : JPNSW.SPb.600-2/1/4 (20)

Kerjasama dan perhatian YBrs. Dr./tuan/puan berkenaan perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(Dr. LES MET)

Timbalan Pengarah,
Sektor Pembelajaran.
b.p. Pengarah Pendidikan Sarawak.

sk : Fail Timbul Pengarah Pendidikan Sarawak

OCC/KMC/25/
les